

Sambung operasi hingga jam 8 pagi!

23 Mei 2022

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Guna pintu rahsia di bahagian belakang premis sebagai laluan masuk pelanggan selepas waktu operasi dibenarkan tamat.

Itu helah licik digunakan sebuah pusat hiburan di Bukit Bintang di sini, untuk menjalankan operasi mereka tanpa dikesan pihak berkuasa selepas tempoh waktu dibenarkan.

Bagaimanapun taktik itu terbungkar selepas sepasukan pegawai dan anggota Bahagian Kongsi Gelap, Judi dan Maksiat (D7) Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman melakukan serbuan di premis berkenaan jam 12.40 tengah malam, semalam.

Ketua Penolong Pengarah D7 Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Mohamad Noor Yusof Ali berkata, pihaknya menahan 19 individu dalam serbuan itu termasuk 13 wanita warga asing yang dipercayai bekerja sebagai pelayan pelanggan (GRO).

"Dalam serbuan itu, kami menahan 13 GRO membatikan 12 wanita dari negara jiran dan seorang wanita dari Eropah Timur yang berusia antara 22 hingga 38 tahun.

"Selain itu, kami turut menahan enam individu tempatan membatikan pemilik premis, pengurus, penjaga kaunter serta pekerja di pusat hiburan berkenaan berusia antara 27 hingga 53 tahun.

"Kami turut melakukan pemeriksaan terhadap 34 pekerja serta

ANTARA pelanggan di sebuah pusat hiburan di Bukit Bintang, Kuala Lumpur yang diperiksa polis.



Sambung operasi hingga jam 8 pagi!

Pusat hiburan beroperasi lebih masa digempur, 19 individu termasuk 13 GRO warga asing ditahan



PUSAT hiburan terbabit juga menyediakan perkhidmatan GRO warga asing yang hanya akan dibawa masuk ke dalam bilik karaoke oleh ejen sekiranya pelanggan bersetuju.

89 pelanggan yang berada di dalam premis berkenaan ketika serbuan dengan dua daripada pelanggan diperiksa didapati positif dadah jenis methamphetamine," katanya.

Mohamad Noor berkata, premis berkenaan didapati

menyambung waktu operasi perniagaan sehingga jam 8 pagi yang melebihi tempoh masa dibenarkan pihak berkuasa sehingga jam 12 tengah malam sahaja.

"Bagi mengaburi mata pihak berkuasa, pusat hiburan

itu menggunakan pintu rahsia di bahagian belakang untuk pelanggan keluar dan masuk selepas jam 12 tengah malam dengan hanya membenarkan pelanggan tetap untuk masuk.

"Malah, premis itu dida-



Kadar bayaran dikenakan bagi GRO warga asing adalah antara RM1,280 hingga RM2,080 untuk tempoh lima jam pertama dengan bayaran tambahan RM100 setiap jam dikenakan bagi sambungan masa langganan"

Mohamad Noor Yusof Ali

antara RM1,280 hingga RM2,080 untuk tempoh lima jam pertama dengan bayaran tambahan RM100 setiap jam dikenakan bagi sambungan masa langganan.

"Selepas pintu sempadan negara dibuka, bukan sahaja GRO dari negara jiran, malah ada GRO dari negara barat datang ke Malaysia," katanya.

Menurutnya, pusat hiburan itu mempunyai kira-kira 20 bilik karaoke mengikut saiz kecil, sederhana dan besar dengan kadar bayaran bermula dari RM2,200 hingga RM8,000.

"Semua individu yang ditahan dan barang yang dirampas dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah Dang Wangi untuk proses dokumentasi serta siasatan lanjut.

"Kes itu disiasat mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, Peraturan 39b Peraturan-Peraturan Imigresen 1963, Seksyen 55B Akta Imigresen 1959/63, Seksyen 6(1)(c), Seksyen 15(1)(c) akta sama serta Seksyen 3 Akta Hiburan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1992," katanya.